

Penyata

Kewangan

Financial Statements

36 Laporan Lembaga Pengarah

40 Penyata Pengarah-Pengarah
Dan Akuan Berkanun

41 Laporan Juruaudit

42 Penyata Pendapatan

63 Directors' Report

67 Statement By Directors And
Statutory Declaration

68 Auditors' Report

69 Income Statements

43 Kunci Kira-Kira

44 Penyata Perubahan
Dalam Ekuiti

45 Penyata Aliran Tunai

46 Dasar-Dasar Perakaunan

70 Balance Sheets

71 Statements Of Changes
In Equity

72 Cash Flow Statements

73 Accounting Policies

49 Nota-Nota Untuk
Penyata Kewangan

61 Kumpulan Boustead

76 Notes To The
Financial Statements

88 The Boustead Group

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan dan penyata kewangan yang telah diaudit untuk Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2000.

Aktiviti Utama

Boustead Holdings Berhad telah diperbadankan di Malaysia dalam tahun 1960 sebagai sebuah syarikat pelaburan induk dan Kumpulan Boustead kini mengandungi lebih lapan puluh buah Syarikat Subsidiari dan Bersekutu, yang mana aktiviti-aktiviti utama dicatatkan di mukasurat 61 hingga 62.

Keputusan Kewangan

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan selepas cukai	33,038	12,073
Kepentingan minoriti	27,637	—
Keuntungan bagi pemegang-pemegang saham	5,401	12,073

Pada pendapat Para Pengarah, pencapaian operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidaklah begitu dipengaruhi oleh perkara, urusaniaga dan keadaan yang ketara dan ganjil.

Dividen

Dalam tahun yang berkenaan, dividen yang berikut telah dibayar oleh Syarikat:

- dividen akhir sebanyak 10% dikecualikan cukai, berjumlah RM13,638,000 untuk tempoh sebelumnya sebagaimana yang dicadangkan dalam Laporan Lembaga Pengarah tempoh itu; dan
- dividen awal sebanyak 7.5% ditolak cukai, berjumlah RM7,365,000 untuk tahun yang dilaporkan.

Para Pengarah mencadangkan dividen akhir 7.5% ditolak cukai, sebanyak RM7,365,000 bagi tahun semasa ini.

Rizab dan Peruntukan

Semua pemindahan yang material kepada atau daripada rizab dan peruntukan dalam tahun adalah dinyatakan dalam penyata kewangan.

Skim Opsyen Saham Kakitangan

Skim Opsyen Saham Kakitangan Boustead Holdings Berhad (ESOS) telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham di Mesyuarat Agung Luarbiasa pada 9 Mei 1996. Ciri-ciri utama di dalam Skim tersebut adalah seperti berikut:

- Mereka yang berkeelayakan adalah pekerja tetap yang telah berkhidmat secara terus menerus dengan Kumpulan sekurang-kurangnya dua belas bulan daripada tarikh penawaran Skim, atau Pengarah-pengarah Eksekutif Syarikat sepenuh masa yang telah diluluskan sebagai layak untuk menyertai Skim ini.
- Opsyen berkuatkuasa selama lima tahun bermula daripada tarikh saham-saham opsyen ditawarkan.
- Tiada opsyen yang akan diberi untuk memperolehi kurang daripada 2,000 saham atau lebih daripada 500,000 saham.
- Harga opsyen bagi sesaham akan mengikut purata sebutharga pasaran saham Syarikat seperti disenaraikan di dalam Senarai Rasmi Harian yang dikeluarkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur bagi lima hari pasaran sebelum tarikh tawaran, atau pada nilai nominal saham, yang mana lebih tinggi.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Skim Opsyen Saham Kakitangan (Samb.)

- (e) Jumlah bilangan saham-saham yang akan ditawarkan dan diterbitkan di bawah Skim ini hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus modal saham terbitan Syarikat pada bila-bila masa Skim ini diwujudkan.
- (f) Opsyen yang telah diberi di bawah Skim ini boleh dilaksanakan oleh pemegang opsyen dengan memberi notis secara bertulis kepada Syarikat sepanjang jangka masa bermula daripada tarikh tawaran dan berakhir pada 13 Jun 2001. Opsyen boleh dilaksanakan secara penuh atau sebahagiannya asalkan bilangan saham biasa tersebut hendaklah di dalam angkali 1,000 saham.

Pada 31 Disember 2000, saham biasa Syarikat yang belum diterbitkan di bawah Skim adalah seperti berikut:

Jumlah Saham Biasa	Harga Langganan RM
17,462,000	5.19
825,000	5.55
2,271,000	3.95
4,781,000	3.83

Pengarah-Pengarah

Nama Pengarah-pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak laporan yang lepas dan ketika laporan ini disediakan, ialah:-

Y. Bhg. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Hj. Che Mat	En. David W. Berry
Y. Bhg. Dato' Lodin Wok Kamaruddin	Y. Bhg. Dato' Megat Abdul Rahman Megat Ahmad
Y. Bhg. Lt. Jen. (B) Dato' Mohd Yusof Din	En. Azzat Kamaludin
Tuan Hj. Johari Muhamad Abbas	

Tiada berlaku apa-apa peraturan yang melibatkan Syarikat di mana Pengarah-pengarah mungkin mendapat keuntungan melalui pembelian saham atau debentur, Syarikat atau mana-mana syarikat-syarikat pada penghujung tahun ataupun pada bila-bila masa dalam tahun berkenaan, selain daripada perkara-perkara yang telah termaktub di dalam Skim Opsyen Saham Kakitangan Boustead Holdings Berhad, dan opsyen diberi oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Pengarah-pengarah berikut, yang memegang jawatan pada hujung tahun kewangan, mengikut daftar yang patut disimpan di bawah Seksyen 134 Akta Syarikat 1965 memiliki kepentingan saham dalam Syarikat dan Subsidiari-subsidiari, seperti berikut:

	<u>Pada 1/1/00</u>	<u>Pembelian</u>	<u>(Jualan)</u>	<u>Pada 31/12/00</u>
Boustead Holdings Berhad		Saham 50 sen seunit		
Tuan Hj. Johari Muhamad Abbas	33,000	—	—	33,000
		Saham RM1 seunit		
Kuala Sidim Berhad				
Tuan Hj. Johari Muhamad Abbas	1,000	—	—	1,000
SCB Developments Berhad				
Tuan Hj. Johari Muhamad Abbas	26,999	—	—	26,999
Affin Holdings Berhad				
Y. Bhg. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Hj. Che Mat	61,139	30,569	—	91,708
Y. Bhg. Dato' Lodin Wok Kamaruddin	5,714	3,000	—	8,714
Tuan Hj. Johari Muhamad Abbas	17,000	10,000	—	27,000
En. Azzat Kamaludin	65,000	45,000	—	110,000
Johan Ceramics Berhad				
Y. Bhg. Dato' Megat Abdul Rahman Megat Ahmad	2,000	—	—	2,000

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Pengarah-Pengarah (Samb.)

	<u>Pada 1/1/00</u>	<u>Pembelian</u>	<u>(Jualan)</u>	<u>Pada 31/12/00</u>
Affin Holdings Berhad Warrants (W3)		Bilangan Unit		
Y. Bhg. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Hj. Che Mat	–	15,284	–	15,284
Y. Bhg. Dato' Lodin Wok Kamaruddin	–	1,500	–	1,500
Tuan Hj. Johari Muhamad Abbas	–	5,000	–	5,000
En. Azzat Kamaludin	–	22,500	–	22,500

	<u>Opsyen atas saham 50 sen seunit</u>			
	<u>Pada 1/1/00</u>	<u>Diluluskan</u>	<u>Dilaksanakan</u>	<u>Pada 31/12/00</u>
Boustead Holdings Berhad				
Y. Bhg. Dato' Lodin Wok Kamaruddin	500,000	–	–	500,000

Y. Bhg. Dato' Lodin Wok Kamaruddin telah diberi opsyen selama 5-tahun oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) untuk membeli saham Boustead Holdings Berhad sebanyak 9,500,000 dari LTAT pada harga RM3.50 seunit yang masih belum dilaksanakan. Opsyen ini akan tamat tempohnya pada 22 November 2003.

Semenjak hujung tempoh kewangan yang lalu, tiada Pengarah yang menerima atau berhak menerima apa-apa bayaran (selain daripada jumlah bayaran pendapatan yang diterima atau harus diterima sebagaimana ditunjukkan dalam penyata kewangan Kumpulan atau gaji yang diterima oleh kakitangan sepenuh masa Syarikat) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah menjadi ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar, yang perlu dinyatakan di bawah Seksyen 169(8) Akta Syarikat, 1965 selain daripada yang disebut dalam Nota 32 kepada penyata kewangan.

Lain-lain Maklumat Berkanun

- (a) Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah wajar:
- menentukan yang tindakan sewajarnya diambil mengenai penghapusan hutang lapuk dan mengadakan peruntukan hutang ragu, dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk dihapuskan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu;
 - memastikan bahawa mana-mana harta semasa yang tidak mungkin, mengikut urusan biasa, mempunyai nilai sebagaimana terdapat dalam rekod perakaunan, diturunkan nilainya ke paras yang ianya mungkin diniagakan.
- (b) Pada tarikh ini, Para Pengarah tidak mengetahui akan adanya perkara-perkara:
- yang telah mengakibatkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskan atau jumlah peruntukan hutang ragu Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi; atau nilai harta semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan;
 - yang boleh mengakibatkan cara penilaian harta atau tanggungan yang digunakan pada masa ini oleh Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai;
 - lain, yang tidak disebutkan dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Kumpulan atau Syarikat yang mungkin akan mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan menjadi mengelirukan.
- (c) Dalam tempoh di antara penghujung tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak wujud apa-apa:-
- cagaran aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul yang menjamin liabiliti sesiapa pun; atau
 - liabiliti luarjangka Kumpulan atau Syarikat yang timbul.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Lain-lain Maklumat Berkanun (Samb.)

(d) Pada pendapat Para Pengarah:-

- (i) tiada liabiliti kontigen atau liabiliti lain yang berkuatkuasa atau akan berkuatkuasa dalam tempoh dua-belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang mungkin atau akan menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat menghadapi tanggungannya sewaktu menunaikannya;
- (ii) tiada perkara, urusaniaga atau keadaan yang penting dan luarbiasa berlaku dalam tempoh selepas akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini, yang mungkin menjejaskan pencapaian operasi Kumpulan atau Syarikat untuk tahun kewangan yang dilaporkan.

Juruaudit

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan untuk dilantik semula sebagai juruaudit dan satu resolusi mencadang perlantikan mereka akan dikemukakan pada Mesyuarat Agung Tahunan.

Bagi Pihak Lembaga

JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD GHAZALI HJ. CHE MAT

Kuala Lumpur
19 Mac 2001

DATO' LODIN WOK KAMARUDDIN

PENYATA PENGARAH-PENGARAH DAN AKUAN BERKANUN

Penyata Pengarah-pengarah

Kami, JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD GHAZALI HJ. CHE MAT dan DATO' LODIN WOK KAMARUDDIN, dua daripada Para Pengarah BOUSTEAD HOLDINGS BERHAD menyatakan bahawa, pada pendapat Para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 42 hingga 62 telah disusun menurut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia supaya memberi pandangan yang benar dan berpatutan mengenai perkara-perkara berikut:-

- (i) kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2000 dan hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut;
- (ii) aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2000.

Bagi Pihak Lembaga

JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD GHAZALI HJ. CHE MAT

Kuala Lumpur
19 Mac 2001

DATO' LODIN WOK KAMARUDDIN

Akuan Berkanun Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, DANIEL EBINESAN, sebagai pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan BOUSTEAD HOLDINGS BERHAD dengan sungguh dan sebenarnya mengakui bahawa, penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 42 hingga 62 adalah pada pendapat saya betul dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa ianya benar, serta menurut Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan dengan sebenar-benarnya diakui di Kuala Lumpur, pada 19 Mac 2001.

Di hadapan saya
LT. KOL. (B) HJ. ABDULLAH B. MOHD YUNUS
Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur

DANIEL EBINESAN

Kepada Ahli-Ahli Boustead Holdings Berhad

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 42 hingga 62. Penyata kewangan tersebut merupakan tanggungjawab Para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk melahirkan pendapat ke atas penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami.

Kami telah menjalankan audit kami berdasarkan piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian ini mengkehendaki kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah bahawa penyata kewangan adalah bebas dari salah nyata yang material. Sesuatu audit merangkumi pemeriksaan, secara ujian, ke atas bukti yang menyokong sesuatu amaun dan pendedahannya di dalam penyata kewangan. Audit juga merangkumi penilaian terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran signifikan yang dibuat oleh Para Pengarah serta persembahan keseluruhan penyata kewangan. Kami percaya bahawa audit kami menyediakan asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami,

- (a) penyata kewangan telah disediakan dengan sewajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia supaya memberi pandangan yang sebenar dan berpatutan mengenai perkara-perkara berikut:-
 - (i) kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2000 dan hasil kendalian dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk hujung tahun yang berkenaan; dan
 - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk dinyatakan dalam penyata kewangan.
- (b) rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan daftar-daftar yang perlu menurut Akta, disimpan oleh Syarikat dan Subsidiari-subsidiari yang mana kami menjadi juruaudit, adalah disimpan dengan sempurna mengikut peruntukan Akta tersebut.

Nama Subsidiari-subsidiari yang kami tidak menjadi juruaudit adalah disebutkan di mukasurat 61 ke 62. Kami telah mengkaji penyata kewangan dan laporan juruaudit yang berkenaan.

Kami berpuashati bahawa penyata kewangan Subsidiari-subsidiari yang disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah di dalam bentuk dan kandungan yang munasabah dan sesuai untuk menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan kami telah menerima maklumat-maklumat dan penerangan yang memuaskan yang kami perlukan untuk tujuan itu.

Laporan Juruaudit bagi penyata kewangan Subsidiari-subsidiari adalah bebas dari sebarang teguran dan tidak termasuk sebarang ulasan yang perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta Syarikat, 1965.

Semasa melahirkan pendapat kami, kami menimbangkan kecukupan pendedahan di dalam Nota 33 kepada penyata kewangan berkaitan peristiwa-peristiwa akan datang yang berkemungkinan menjejaskan nilai aset dan pelaburan di Indonesia. Melihatkan kepada kepentingan perkara ini, kami berpendapat bahawa pendedahan ini perlu dibawa kepada perhatian anda. Pendapat kami berkaitan perkara ini tidak tertakluk kepada sebarang syarat.

ERNST & YOUNG AF: 0039
Akauntan Awam

Kuala Lumpur
19 Mac 2001

CHOONG MEI LING 1918/9/02(J/PH)
Rakan Perniagaan

Boustead Holdings Berhad

PENYATA PENDAPATAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2000

		Kumpulan		Syarikat	
		12 bulan hingga 31 Disember 2000 RM'000	18 bulan hingga 31 Disember 1999 RM'000	12 bulan hingga 31 Disember 2000 RM'000	18 bulan hingga 31 Disember 1999 RM'000
Hasil	1	890,345	1,453,508	1,309	2,282
Lain-lain pendapatan operasi	2	14,941	54,008	86,054	141,390
		905,286	1,507,516	87,363	143,672
Perbelanjaan operasi	3	799,359	1,156,328	11,935	25,672
		105,927	351,188	75,428	118,000
Keuntungan operasi		13,526	95,108	–	–
Bahagian keuntungan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu					
		119,453	446,296	75,428	118,000
Keuntungan sebelum faedah		33,213	79,520	57,155	123,047
Faedah	4				
		86,240	366,776	18,273	(5,047)
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai		53,202	8,190	6,200	–
Cukai	5				
		33,038	358,586	12,073	(5,047)
Keuntungan/(kerugian) selepas cukai		27,637	137,979	–	–
Kepentingan minoriti					
		5,401	220,607	12,073	(5,047)
Keuntungan/(kerugian) bagi pemegang saham					
Pendapatan sesaham – sen	6	2.0	80.9		
Asas dan cair					
Dividen kasar sesaham – %	7	15.0	17.5		
Ditolak cukai		–	10.0		
Dikecualikan cukai					
		15.0	27.5		

Nota-nota di mukasurat 46 hingga 62 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

KUNCI KIRA-KIRA

Pada 31 Disember 2000

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2000 RM'000	1999 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	8	1,342,098	1,243,269	17,469	18,008
Hartanah pelaburan	9	278,267	278,267	—	—
Hartanah pembangunan	10	376,388	361,181	—	—
Subsidiari-subsidiari	11	—	—	300,756	291,656
Syarikat-syarikat Bersekutu	12	1,294,222	1,147,370	997,296	817,054
Pelaburan	13	18,371	17,837	18,112	17,670
		3,309,346	3,047,924	1,333,633	1,144,388
Aset semasa					
Inventori	14	113,472	128,222	—	—
Hartanah pembangunan dalam pelaksanaan	15	61,796	43,873	—	—
Penghutang	16	462,132	397,910	380,117	390,689
Deposit, tunai dan baki bank	17	47,314	35,002	589	1,198
		684,714	605,007	380,706	391,887
Liabiliti semasa					
Pinjaman tidak bercagar	18	884,094	735,389	448,414	459,690
Pemiutang	19	252,908	293,996	593,451	395,181
Cukai		47,588	41,396	—	—
Dividen akhir yang dicadangkan		7,365	13,638	7,365	13,638
		1,191,955	1,084,419	1,049,230	868,509
Liabiliti semasa bersih		(507,241)	(479,412)	(668,524)	(476,622)
Liabiliti bukan semasa					
Pinjaman jangka panjang tidak bercagar	20	566,007	360,447	75,000	75,000
Ganjaran persaraan		3,384	2,900	—	—
Cukai tertunda	21	16,185	16,964	550	550
		585,576	380,311	75,550	75,550
		2,216,529	2,188,201	589,559	592,216
Modal dan rizab					
Modal saham	22	136,376	136,376	136,376	136,376
Rizab	23	1,364,863	1,396,939	453,183	455,840
		1,501,239	1,533,315	589,559	592,216
Ekuiti pemegang saham		715,290	654,886	—	—
Kepentingan minoriti		2,216,529	2,188,201	589,559	592,216

Nota-nota di mukasurat 46 hingga 62 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2000	Modal Saham	*Premium Saham	*Rizab Penilaian	*Rizab atas Penyatuan	*Rizab Berkanun	*Lain-lain Rizab	Keuntungan Disimpan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kumpulan								
Pada 1 Julai 1998	136,376	283,734	112,780	36,686	96,725	96,856	595,321	1,358,478
Kerugian bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan								
– perubahan pertukaran wang	–	–	–	–	–	(3,088)	–	(3,088)
– perubahan dalam struktur Kumpulan	–	–	–	–	–	–	(187)	(187)
– muhibah atas pengambilalihan Subsidiari-subsiari	–	–	–	(14,340)	–	–	–	(14,340)
– muhibah atas pembelian tambahan di dalam Subsidiari	–	–	–	(1,302)	–	–	–	(1,302)
– muhibah atas penjualan Subsidiari-subsiari	–	–	–	3,969	–	–	–	3,969
	–	–	–	(11,673)	–	(3,088)	(187)	(14,948)
Keuntungan bagi tempoh	–	–	–	–	–	–	220,607	220,607
Pindahan dalam tempoh	–	–	–	–	5,722	–	(5,722)	–
Rizab direalisasikan dalam tempoh	–	–	(996)	–	–	–	996	–
Dividen-dividen	–	–	–	–	–	–	(30,822)	(30,822)
Pada 31 Disember 1999	136,376	283,734	111,784	25,013	102,447	93,768	780,193	1,533,315
Kerugian bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan								
– perubahan pertukaran wang	–	–	–	–	–	(13,629)	–	(13,629)
– premium atas terbitan saham oleh Subsidiari kepada kepentingan minoriti	–	–	–	–	–	34,959	–	34,959
– perubahan dalam struktur Kumpulan	–	–	(9,494)	(5,753)	(6,830)	–	(21,914)	(43,991)
– muhibah atas pembelian tambahan di dalam Subsidiari-subsiari	–	–	–	(86)	–	–	–	(86)
	–	–	(9,494)	(5,839)	(6,830)	21,330	(21,914)	(22,747)
Keuntungan bagi tahun	–	–	–	–	–	–	5,401	5,401
Pindahan dalam tahun	–	–	–	–	17,483	–	(17,483)	–
Rizab direalisasikan dalam tahun	–	–	301	–	–	–	(301)	–
Dividen-dividen	–	–	–	–	–	–	(14,730)	(14,730)
Pada 31 Disember 2000	136,376	283,734	102,591	19,174	113,100	115,098	731,166	1,501,239
Syarikat								
Pada 1 Julai 1998	136,376	283,734	5,521	–	–	–	202,454	628,085
Kerugian bagi tempoh	–	–	–	–	–	–	(5,047)	(5,047)
Dividen-dividen	–	–	–	–	–	–	(30,822)	(30,822)
Pada 31 Disember 1999	136,376	283,734	5,521	–	–	–	166,585	592,216
Keuntungan bagi tahun	–	–	–	–	–	–	12,073	12,073
Dividen-dividen	–	–	–	–	–	–	(14,730)	(14,730)
Pada 31 Disember 2000	136,376	283,734	5,521	–	–	–	163,928	589,559

* Menandakan rizab yang tidak boleh diagihkan.

Nota-nota di mukasurat 46 hingga 62 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2000

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2000		Kumpulan		Syarikat	
		12 bulan hingga 31 Disember 2000 RM'000	18 bulan hingga 31 Disember 1999 RM'000	12 bulan hingga 31 Disember 2000 RM'000	18 bulan hingga 31 Disember 1999 RM'000
Aktiviti-aktiviti Operasi					
Penerimaan tunai dari pelanggan		1,052,556	1,686,533	–	–
Pembayaran tunai kepada pembekal dan pekerja		(942,816)	(1,400,150)	(13,273)	(22,766)
Aliran tunai daripada/(digunakan dalam) operasi		109,740	286,383	(13,273)	(22,766)
Cukai dibayar		(43,308)	(43,684)	–	2,962
Tunai bersih daripada/(diguna dalam) aktiviti-aktiviti operasi		66,432	242,699	(13,273)	(19,804)
Aktiviti-aktiviti Pelaburan					
Pembelian hartanah pelaburan		–	(104,267)	–	–
Pengambilalihan Subsidiari-subsidiari	24	–	(36,647)	–	(15,918)
Penjualan Subsidiari-subsidiari	25	–	2,472	–	–
Pengambilalihan Syarikat-syarikat Bersekutu		(183,250)	(50,830)	(183,250)	(50,554)
Pembelian tambahan di dalam Subsidiari-subsidiari		(998)	(2,304)	(10,150)	–
Pembelian pelaburan		(5,896)	(12,573)	(5,782)	(7,121)
Hasil daripada jualan pelaburan		6,744	10,272	6,696	4,756
Hartanah, loji dan peralatan – pembelian		(137,072)	(180,781)	(1,188)	(338)
– jualan		11,952	44,914	155	85
Dividen diterima		15,356	18,035	44,756	57,020
Faedah diterima		501	19,127	–	–
Tunai bersih diguna dalam aktiviti-aktiviti pelaburan		(292,663)	(292,582)	(148,763)	(12,070)
Aktiviti-aktiviti Pembiayaan					
Terbitan saham oleh Subsidiari kepada kepentingan minoriti		3,850	4,726	–	–
Dividen dibayar – oleh Syarikat		(21,003)	(27,003)	(21,003)	(27,003)
– oleh Subsidiari-subsidiari kepada kepentingan minoriti		(21,638)	(30,463)	–	–
Hasil daripada pinjaman jangka panjang		266,309	275,000	–	75,000
Pembayaran pinjaman jangka panjang		(56,247)	(66,502)	–	(50,000)
Tambahan/(kurangan) dalam kredit pusingan dan penerimaan bank		78,877	73,500	(45,000)	(20,000)
Penerimaan dari syarikat-syarikat Kumpulan		–	–	523,936	431,714
Pembayaran kepada syarikat-syarikat Kumpulan		–	–	(276,192)	(279,864)
Faedah dibayar		(75,779)	(117,616)	(54,038)	(78,485)
Tunai bersih daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan		174,369	111,642	127,703	51,362
(Kurangan)/tambahan bersih dalam tunai dan setara tunai		(51,862)	61,759	(34,333)	19,488
Perbezaan penukaran matawang asing		(1,152)	23	–	–
Tunai dan setara tunai pada awal tahun/tempoh		(3,748)	(65,530)	(3,492)	(22,980)
Tunai dan Setara Tunai pada Akhir Tahun/Tempoh	26	(56,762)	(3,748)	(37,825)	(3,492)

Nota-nota di mukasurat 46 hingga 62 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

DASAR-DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas Perakaunan

Penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah (diselaraskan dengan penilaian semula harta-harta tertentu dan hartanah pelaburan), dan mematuhi piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan sepertimana yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan peruntukan dalam Akta Syarikat, 1965.

(b) Asas Penyatuan

Penyata-penyata kewangan yang disatukan mengambilkira penyata-penyata kewangan Syarikat dan semua Subsidiari-subsidiari selepas audit yang disediakan sehingga akhir tahun. Subsidiari-subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan memiliki, secara langsung atau tidak langsung, lebih daripada 50% ekuiti modal saham dan mengawal dasar-dasar kewangan dan operasi bagi memperolehi faedah daripada aktivitinya. Butir-butir Subsidiari-subsidiari ditunjukkan di mukasurat 61 dan 62.

Pencapaian Subsidiari-subsidiari yang diambilalih atau dijual dalam tahun diambilkira daripada atau hingga tarikh berkuat-kuasanya pengambilalihan atau penjualan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai berpatutan aset bersih Subsidiari-subsidiari ditentukan dan nilai aset-aset ini ditunjukkan dalam penyata kewangan yang disatukan. Perbezaan di antara harga pengambilalihan dan nilai aset syarikat ditunjukkan sebagai rizab atau muhibah di atas penyatuan dan diambilkira secara rizab.

(c) Syarikat-Syarikat Bersekutu

Pelaburan di dalam Syarikat-syarikat Bersekutu diambilkira di dalam penyata kewangan yang disatukan mengikut kaedah perakaunan ekuiti. Syarikat Bersekutu adalah syarikat yang ditakrif sebagai syarikat bukan Subsidiari di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti tidak kurang daripada 20% dan Kumpulan berperanan penting di dalam menentukan dasar-dasar kewangan dan operasinya.

Bahagian Kumpulan daripada penghasilan Syarikat Bersekutu disatukan ke dalam penyata pendapatan Kumpulan. Bagi Syarikat-syarikat Bersekutu yang tidak sama tarikh kunci kira-kira mereka dengan Syarikat, pencapaian operasinya untuk tempoh itu diambilkira daripada penyata kewangan yang belum diaudit. Butir-butir Syarikat-syarikat Bersekutu ditunjukkan di mukasurat 62.

(d) Pertukaran Matawang

Semua urusaniaga dicatat dalam Ringgit Malaysia. Urusniaga dalam matawang asing ditukar ke Ringgit Malaysia dengan kadar pertukaran pada tarikh urusaniaga dijalankan atau di mana penyelesaian belum dibuat pada tarikh kunci kira-kira, kadar pertukaran wang itu digunakan. Segala perbezaan pertukaran matawang dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

Operasi Subsidiari-subsidiari asing tidak merupakan bahagian yang besar kepada operasi Kumpulan. Penyata pendapatan Subsidiari-subsidiari asing ini ditukar ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran purata untuk tahun tersebut dan kunci kira-kira ditukar ke Ringgit Malaysia dengan kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira. Perbezaan pertukaran wang yang timbul daripada penggunaan kadar pada akhir tahun dalam kiraan pelaburan bersih dan pinjaman Kumpulan kepada Subsidiari-subsidiari asing yang mana pada dasarnya, merupakan pelaburan Kumpulan di dalam Subsidiari-subsidiari asing, dibawa ke Rizab Perubahan Pertukaran Wang di dalam ekuiti pemegang saham. Bagi penjualan Subsidiari-subsidiari asing, perbezaan pertukaran wang diambilkira di dalam penyata pendapatan sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian daripada penjualan.

Pelarasan muhibah dan nilai berpatutan yang timbul dari pengambilalihan Subsidiari asing dinyatakan sebagai aset dan liabiliti bagi Syarikat dan ditukarkan pada kadar pertukaran semasa pada tarikh urusaniaga.

Kadar pertukaran penutup utama yang digunakan dalam pertukaran matawang asing adalah seperti berikut:

Matawang asing	2000	1999
1 Dolar Amerika	RM3.80	RM3.80
1 Pound Sterling	RM5.60	RM6.20
1,000 Rupiah Indonesia	RM0.39	RM0.53
1 Dolar Singapura	RM2.20	RM2.30

DASAR-DASAR PERAKAUNAN

(e) Hartanah, Loji dan Peralatan

Kesemua hartanah, loji dan peralatan pada awalnya dicatat pada kos. Tanah dan bangunan tertentu kemudiannya ditunjukkan pada nilai pasaran, berdasarkan penilaian luar bebas, ditolak susutnilai selepasnya. Lain-lain hartanah, loji dan peralatan dicatat pada kos sejarah ditolak susutnilai terkumpul.

Tanah-tanah pegangan bebas dan tanah-tanah ladang yang dipajakkan untuk tempoh yang lama tidak disusutnilaikan. Kesan daripada tidak menyusutnilaikan tanah-tanah ladang yang dipajakkan untuk tempoh yang lama adalah tidak material. Tanah-tanah lain yang dipajakkan termasuk tanah-tanah ladang yang dipajakkan untuk tempoh yang singkat, disusutnilai mengikut kadar tempoh pajakan yang meliputi dari 29 hingga 66 tahun. Susutnilai bagi hartanah, loji dan peralatan yang lain adalah mengikut kaedah garis lurus berasaskan kepada nilai asal, mengikut anggaran usiaguna seperti berikut:

Bangunan	20 - 50 tahun
Loji & mesin	5 - 10 tahun
Perabut & perkakas	3 - 10 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun

Keuntungan dan kerugian daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan ditentukan berdasarkan kepada jumlah dibawa dan diambilkira sebagai pendapatan atau perbelanjaan di dalam penyata pendapatan. Bagi penjualan aset-aset yang dinilai semula, jumlah di dalam rizab penilaian semula berkaitan dengan aset-aset tersebut dipindahkan ke keuntungan disimpan.

(f) Perbelanjaan Tanaman Baru dan Tanaman Semula

Perbelanjaan bagi kawasan tanaman baru atau tanaman semula hasil tanaman yang berlainan, termasuk segala kos pinjaman yang ditanggung sehingga tanaman matang, adalah dimasukkan ke dalam harga tanah. Perbelanjaan tanaman semula diambilkira dalam penyata pendapatan bagi tahun perbelanjaan itu dibuat.

(g) Hartanah Pelaburan

Tanah dan bangunan yang dianggap sebagai hartanah pelaburan tidak disusutnilaikan. Adalah menjadi dasar Kumpulan untuk menilai semula hartanah pelaburan setiap lima tahun atau lebih awal jika difikirkan sesuai berdasarkan nasihat dari Penilai dan Penaksir Bertauliah. Lebihan yang timbul dari pelbagai penilaian dikreditkan ke ekuiti pemegang saham sebagai rizab penilaian semula, dan sebarang kurangan yang menghapuskan lebihan terdahulu dikenakan ke atas rizab penilaian semula. Lain-lain kurangan dikenakan ke penyata pendapatan.

(h) Hartanah Pembangunan

Hartanah pembangunan meliputi tabungan tanah yang telah disediakan untuk pembangunan tetapi belum dibuka untuk jualan, dan dinyatakan pada kos. Kos termasuk tanah, bahan-bahan, tenaga kerja, yuran profesional, kos pinjaman dan lain-lain perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan pasti yang berkaitan.

(i) Pelaburan

Pelaburan di dalam saham-saham disebutbarga dan tidak disebutbarga ditunjuk pada kos dan peruntukan dibuat di mana, pada pendapat Pengarah-pengarah, terdapat kemerosotan nilai yang kekal. Kemerosotan kekal di dalam nilai pelaburan diambilkira sebagai perbelanjaan bagi tahun kewangan kemerosotan itu dikenalpasti.

Bagi penjualan, perbezaan di antara hasil bersih penjualan dan nilai dibawanya diambilkira atau dikreditkan ke penyata pendapatan.

(j) Penghutang Perdagangan

Penghutang Perdagangan dicatat pada jangkaan nilai jualan. Hutang lapuk dihapuskira di dalam tahun ia dikenalpasti. Anggaran bagi hutang lapuk dilakukan berdasarkan semakan ke atas semua jumlah yang tertunggak.

(k) Inventori

Inventori dicatat pada terendah di antara kos dan nilai jualan bersih, kos ditentukan secara masuk-dahulu/keluar-dahulu. Kos termasuk semua perbelanjaan hingga barangniaga sampai di stor; dan untuk barangan hasil ladang termasuk perbelanjaan menuai, pengilangan dan pengangkutan. Dalam menganggar nilai jualan bersih, perhitungan dibuat ke atas semua barang-barang yang usang dan kurang laris.

(l) Pembangunan Hartanah dalam Pembuatan

Pembangunan hartanah dalam pembuatan termasuk kos tanah yang sedang dimajukan bersama-sama dengan kos pembangunan umum yang berkaitan dengan keseluruhan projek dan juga kos bangunan, dicampur dengan keuntungan yang dibahagikan, ditolak bil peraksanaan dan juga ditolak kerugian yang dijangkakan, jika ada.

(m) Pengiktirafan Hasil

Hasil dari jualan barangan dan perkhidmatan diiktiraf apabila barangan dan perkhidmatan dibekalkan. Hasil dari pembangunan hartanah dan lain-lain kontrak jangka panjang diiktiraf melalui kaedah peratusan siap berdasarkan peratusan kerja pembinaan sebenar yang disiapkan. Pendapatan sewa bermaksud nilai invois yang diterima daripada penyewaan harta, sementara caj kewangan dari aktiviti sewabeli diiktiraf sepanjang tempoh kontrak sewabeli mengikut kadar dana bersih yang dilaburkan.

Dividen-dividen dari Subsidiari-subsidiari diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila dan semasa dividen itu diumumkan atau dicadangkan. Dividen awal yang diterima dari syarikat-syarikat lain, termasuk Syarikat Bersekutu, diiktiraf apabila dan semasa dividen tersebut diumumkan. Dividen akhir dari syarikat-syarikat lain, termasuk Syarikat Bersekutu yang dicadangkan sebelum tarikh kunci kira-kira diambilkira jika ianya diluluskan pada tarikh sebelum penyata kewangan diluluskan oleh para pengarah. Pendapatan faedah diiktiraf apabila diakru kecuali kutipan diragukan.

Perolehan dan hasil lain antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan adalah dikeluarkan dari hasil Kumpulan.

(n) Cukai Tertunda

Peruntukan dibuat berasaskan kaedah tanggungan cukai yang ditunda disebabkan perbezaan masa, kecuali cukai yang tidak akan timbul dalam masa yang singkat. Di mana perbezaan masa menimbulkan kerugian, cukai tertunda hanya diambilkira jika dijangkakan munasabah yang ianya akan timbul.

(o) Peruntukan Ganjaran Persaraan

Kumpulan mempunyai satu skim ganjaran persaraan yang dibiayai menerusi dana dalaman, dan peruntukan dibuat mengikut kadar kontrak bagi ganjaran yang harus dibayar pada persaraan kakitangan yang layak.

(p) Aset Usahasama

Kumpulan memegang 50% kepentingan di dalam usahasama perladangan yang dikenali sebagai Ladang Kuala Muda. Kumpulan melaporkan kepentingan dalam usahasama ini dengan memasukkan ke dalam penyata kewangan, dalam penjenisan yang berkenaan, bahagiannya dalam tiap-tiap aset dan liabiliti; dan juga bahagiannya dalam pendapatan dan kos.

(q) Tunai dan Setara Tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai mengandungi deposit, baki tunai dan bank, dan overdraf.

(r) Permodalan Kos Pinjaman

Kos yang dikenakan ke atas pinjaman luar untuk membiayai aset jangka panjang yang layak adalah dipermodalkan sehingga aset tersebut sedia digunakan, di mana selepas itu perbelanjaan tersebut diambilkira ke penyata pendapatan.

(s) Penyelidikan dan Pembangunan

Penyelidikan dan pembangunan Kumpulan dijalankan oleh Syarikat Bersekutu, yang mana sumbangan terhadap aktiviti berkaitan diambilkira sebagai perbelanjaan apabila ia dibuat.

NOTA-NOTA UNTUK PENYATA KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	12 bulan hingga 31 Disember 2000 RM'000	18 bulan hingga 31 Disember 1999 RM'000	12 bulan hingga 31 Disember 2000 RM'000	18 bulan hingga 31 Disember 1999 RM'000
1. Hasil				
Jualan hasil ladang	215,968	528,044	–	–
Jualan barangan	405,638	642,760	–	–
Jualan hartanah pembangunan	178,798	114,445	–	–
Hasil dari perniagaan agensi	31,132	43,354	–	–
Pendapatan sewa – Subsidiari-subsidiari	–	–	1,309	1,672
– Syarikat Bersekutu	9,636	7,034	–	610
– lain-lain	11,172	18,922	–	–
Lain-lain	38,001	98,949	–	–
	890,345	1,453,508	1,309	2,282
2. Lain-lain Pendapatan Operasi				
Pendapatan faedah – Subsidiari-subsidiari	–	–	20,362	47,477
– Syarikat Bersekutu	537	9,283	537	625
– lain-lain	2,663	9,844	260	2,068
Dividen kasar – pelaburan disebutharga di dalam Malaysia	232	498	170	283
– Subsidiari-subsidiari	–	–	45,240	66,837
– Syarikat Bersekutu	–	–	18,129	22,048
Keuntungan daripada penjualan pelaburan	1,382	2,524	1,356	(148)
Peruntukan untuk rosot nilai pelaburan disebutharga dicatat balik	–	2,700	–	2,200
Keuntungan daripada penjualan Syarikat Bersekutu/Subsidiari-subsidiari	3,745	5,425	–	–
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	6,382	23,734	–	–
	14,941	54,008	86,054	141,390
3. Perbelanjaan Operasi				
Perubahan inventori untuk barang siap dan kerja dalam perlaksanaan	15,906	11,249	–	–
Pembelian barang siap dan kerja dalam perlaksanaan	411,510	569,655	–	–
Bahan mentah dan barangan digunakan	154,197	283,763	–	–
Kos kakitangan	105,068	155,470	2,437	7,308
Susutnilai (Nota 8)	24,673	36,668	1,021	1,519
Lain-lain perbelanjaan operasi	88,005	99,523	8,477	16,845
	799,359	1,156,328	11,935	25,672

NOTA-NOTA UNTUK PENYATA KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	12 bulan hingga 31 Disember 2000 RM'000	18 bulan hingga 31 Disember 1999 RM'000	12 bulan hingga 31 Disember 2000 RM'000	18 bulan hingga 31 Disember 1999 RM'000
3. Perbelanjaan Operasi (samb.)				
Lain-lain perbelanjaan operasi mengandungi:				
Sewa dibayar	8,325	8,480	512	760
Ganjaran juruaudit	858	1,240	41	95
Ganjaran Pengarah-pengarah – yuran	231	335	100	150
– gaji	2,084	3,606	60	90
– faedah kebendaan	62	112	21	32
Peruntukan untuk ganjaran persaraan	958	1,302	–	–
Sewa peralatan	427	626	–	–
Hutang lapuk dan hutang ragu	6,172	6,981	1,493	–
Penyelidikan dan pembangunan	2,178	3,451	–	–
Peruntukan untuk rosot nilai Syarikat Bersekutu dan Subsidiari	3,592	3,000	4,507	14,000
4. Faedah				
Faedah – Subsidiari-subsidiari	–	–	25,238	49,439
– lain-lain	33,213	79,520	31,917	73,608
	33,213	79,520	57,155	123,047
5. Cukai				
Cukai berdasarkan keuntungan tahun/tempoh:				
Tempoh semasa – Malaysia	36,521	20,352	6,200	–
Tertunda – Malaysia	(779)	2,259	–	–
Syarikat Bersekutu – Malaysia	18,819	5,371	–	–
	54,561	27,982	6,200	–
Lebihan peruntukan tahun-tahun lepas	(1,359)	(19,792)	–	–
	53,202	8,190	6,200	–

Kadar efektif cukai Kumpulan adalah lebih tinggi dari kadar berkanun disebabkan sesetengah perbelanjaan tidak dibenarkan untuk percukaian, di samping kerugian yang dialami oleh sesetengah Subsidiari-subsidiari yang mana pelepasan untuk Kumpulan tidak terdapat di Malaysia.

Pada tempoh berakhir 31 Disember 1999, kadar efektif cukai Kumpulan adalah lebih rendah dari kadar berkanun yang terpakai disebabkan sebahagian daripada tempoh kewangan itu mengandungi tempoh asas bagi tahun taksiran 2000 (asas tahun terdahulu) di mana cukai terhadap pendapatan yang selain dari dividen adalah dimansuhkan.

6. Pendapatan Sesaham

Pendapatan sesaham dikira atas keuntungan selepas cukai sebanyak RM5,401,000 (1999: RM220,607,000) bagi Kumpulan dan purata bilangan saham yang telah dikeluarkan sepanjang tahun sebanyak 272,752,645. Andaian penukaran daripada perlaksanaan opsyen di bawah ESOS sepanjang tahun akan menjadi cegah pengurangan; sejajar dengan itu, pendapatan sesaham asas dan cair adalah sama.

NOTA-NOTA UNTUK PENYATA KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	12 bulan hingga 31 Disember 2000 RM'000	18 bulan hingga 31 Disember 1999 RM'000	12 bulan hingga 31 Disember 2000 RM'000	18 bulan hingga 31 Disember 1999 RM'000
7. Dividen				
Awal pertama 7.5% ditolak cukai (1999: 7.5% ditolak cukai)	7,365	7,365	7,365	7,365
Awal kedua 10% ditolak cukai pada 1999	–	9,819	–	9,819
Akhir dicadangkan 7.5% ditolak cukai (1999: 10% dikecualikan cukai)	7,365	13,638	7,365	13,638
	14,730	30,822	14,730	30,822

	Hartanah Milik Bebas RM'000	Hartanah Sewapajak Jangka Panjang RM'000	Hartanah Sewapajak Jangka Pendek RM'000	Loji dan Peralatan RM'000	Jumlah RM'000
8(i) Hartanah, Loji dan Peralatan – Kumpulan					
Pada kos atau penilaian					
Pada awal tahun	349,513	707,649	151,535	209,450	1,418,147
Pembelian	15,575	68,727	50,595	41,220	176,117
Jualan	(6,033)	(892)	–	(16,006)	(22,931)
Pelarasan pertukaran wang	–	–	(37,709)	(588)	(38,297)
Pada akhir tahun	359,055	775,484	164,421	234,076	1,533,036
Susutnilai terkumpul					
Pada awal tahun	10,269	25,553	4,365	134,691	174,878
Susutnilai bagi tahun	1,217	4,604	2,564	19,027	27,412
Jualan	(562)	(54)	–	(9,791)	(10,407)
Pelarasan pertukaran wang	–	–	(669)	(276)	(945)
Pada akhir tahun	10,924	30,103	6,260	143,651	190,938
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2000	348,131	745,381	158,161	90,425	1,342,098
Nilai buku bersih pada 31 Disember 1999	339,244	682,096	147,170	74,759	1,243,269
Susutnilai bagi tempoh berakhir 31 Disember 1999	1,589	6,628	1,948	29,383	39,548

	Hartanah Milik Bebas	Hartanah Sewapajak Jangka Panjang	Hartanah Sewapajak Jangka Pendek	Loji dan Peralatan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
8(ii) Hartanah, Loji dan Peralatan – Syarikat					
Pada kos atau penilaian					
Pada awal tahun	9,761	3,627	6,654	5,213	25,255
Pembelian	—	—	22	1,819	1,841
Jualan	(1,641)	—	—	(410)	(2,051)
Pindahan dari Subsidiari-subsubsidiari	—	—	—	256	256
Pada akhir tahun	8,120	3,627	6,676	6,878	25,301
Susutnilai terkumpul					
Pada awal tahun	1,079	913	1,513	3,742	7,247
Susutnilai bagi tahun	109	46	134	732	1,021
Jualan	—	—	—	107	107
Pindahan dari Subsidiari-subsubsidiari	(253)	—	—	(290)	(543)
Pada akhir tahun	935	959	1,647	4,291	7,832
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2000	7,185	2,668	5,029	2,587	17,469
Nilai buku bersih pada 31 Disember 1999	8,682	2,714	5,141	1,471	18,008
Susutnilai bagi tempoh berakhir 31 Disember 1999	163	69	200	1,087	1,519

	Kumpulan		Syarikat	
	2000 RM'000	1999 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000
8(iii) Analisa Nilai Buku Bersih bagi Hartanah				
Hartanah milik bebas – tanah	325,012	324,156	3,681	4,318
– bangunan	23,119	15,088	3,504	4,364
	348,131	339,244	7,185	8,682
Hartanah sewapajak jangka panjang – tanah	682,899	620,886	1,682	1,694
– bangunan	62,482	61,210	986	1,020
	745,381	682,096	2,668	2,714
Hartanah sewapajak jangka pendek – tanah	133,849	127,233	402	416
– bangunan	24,312	19,937	4,627	4,725
	158,161	147,170	5,029	5,141
	1,251,673	1,168,510	14,882	16,537

NOTA-NOTA UNTUK PENYATA KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2000 RM'000	1999 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000
8(iv) Analisa Kos atau Penilaian				
Kos	1,271,792	1,150,996	25,301	25,255
Penilaian – 1992	202,507	208,414	–	–
– 1993	58,737	58,737	–	–
	1,533,036	1,418,147	25,301	25,255

8(v) Nilai buku bersih hartanah Kumpulan yang dinilai semula sepertimana yang sepatutnya terkandung di dalam penyata kewangan, sekiranya aset-aset tersebut dinyatakan pada kos selepas ditolak susutnilai adalah seperti berikut:

Hartanah milik bebas	52,826	57,327
Hartanah sewapajak jangka panjang	115,064	116,583
Hartanah sewapajak jangka pendek	1,012	1,039
	168,902	174,949

8(vi) Pada tahun ini, pembelian hartanah sewapajak mengandungi permodalan yang seperti berikut:

Kos pinjaman		
– faedah	23,229	32,818
– perbezaan pertukaran matawang	8,543	–
Susutnilai	2,739	2,880
	34,511	35,698

Penilaian hartanah adalah berdasarkan penilaian iktisas yang bebas dilaksanakan menerusi asas pasaran terbuka. Sejajar dengan peruntukan peralihan yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia tentang Piawaian Perakaunan Antarabangsa No. 16 (semakan), 'Hartanah, Loji dan Peralatan', harta-harta berkenaan terus dinyatakan pada jumlah berdasarkan kepada penilaian semula yang terdahulu.

9. Hartanah Pelaburan

Tanah milik bebas dan bangunan:

Kos	104,267	104,267
Penilaian – 1996	174,000	174,000
	278,267	278,267

Para Pengarah telah menilaikan harta-harta ini pada tahun 1996 berdasarkan penilaian profesional bebas yang dijalankan dengan asas pasaran terbuka.

NOTA-NOTA UNTUK PENYATA KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2000 RM'000	1999 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000
10. Hartanah Pembangunan				
Tanah pada kos	238,020	265,210		
Tanah sewapajak jangka panjang pada kos	19,236	17,000		
Perbelanjaan pembangunan	119,132	78,971		
	376,388	361,181		
Hartanah pembangunan meliputi tabungan tanah yang telah disediakan untuk pembangunan, tetapi belum dibuka untuk jualan. Perbelanjaan pembangunan mengandungi faedah yang dipermodalkan dalam tahun ini sebanyak RM14,441,000 (1999: RM10,617,000).				
11. Subsidiari-Subsidiari				
Saham disebutbarga di Malaysia, pada kos			226,730	226,730
Saham tidak disebutbarga pada kos, tolak jumlah yang dihapuskan			74,026	64,926
			300,756	291,656
Nilai pasaran saham disebutbarga			711,004	566,661
12. Syarikat-Syarikat Bersekutu				
Saham disebutbarga di Malaysia, pada kos	885,533	702,283	885,533	702,283
Saham tidak disebutbarga pada kos, tolak jumlah yang dihapuskan	112,827	116,441	111,763	114,771
	998,360	818,724	997,296	817,054
Bahagian rizab selepas pengambilalihan	295,862	328,646	—	—
	1,294,222	1,147,370	997,296	817,054
Nilai pasaran saham disebutbarga	756,053	994,522	756,053	994,522
Bahagian aset ketara bersih	732,430	601,488		
Bahagian aset tidak ketara	257,277	239,657		
	989,707	841,145		
Premium dari pengambilalihan	304,515	306,225		
	1,294,222	1,147,370		

NOTA-NOTA UNTUK PENYATA KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2000 RM'000	1999 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000
13. Pelaburan				
Saham disebutbarga di Malaysia, pada kos	13,860	13,440	13,860	13,418
Saham tidak disebutbarga pada kos, tolak jumlah yang dihapuskan	6,711	6,597	6,452	6,452
	20,571	20,037	20,312	19,870
Tolak peruntukan untuk rosot nilai	2,200	2,200	2,200	2,200
	18,371	17,837	18,112	17,670
Nilai pasaran saham disebutbarga	11,418	13,007	11,418	12,895
14. Inventori				
Bahan mentah dan kerja dalam pembuatan	4,411	4,137		
Barang-barang untuk dijual semula	81,236	97,044		
Barangan hasil ladang	11,736	8,127		
Hartanah sedia untuk dijual	1,327	5,619		
Barangan gunaan stor	14,762	13,295		
	113,472	128,222		
15. Hartanah Pembangunan dalam Pembuatan				
Tanah pada kos	43,892	9,570		
Perbelanjaan pembangunan	126,861	87,638		
Keuntungan yang dibahagikan	45,018	6,619		
Bil pelaksanaan	(153,975)	(59,954)		
	61,796	43,873		
Faedah yang dipermodalkan dalam tahun/tempoh	4,749	2,191		
16. Penghutang				
Penghutang perdagangan	371,096	306,587	—	—
Tolak: peruntukan hutang ragu	(42,545)	(39,318)	—	—
	328,551	267,269	—	—
Penghutang lain-lain	81,087	88,796	31,439	37,297
Cukai akan diterima	40,932	28,116	38,912	28,116
Jumlah hutang daripada Subsidiari-subsidiari	—	—	299,637	313,278
Jumlah hutang daripada Syarikat-syarikat Bersekutu	9,677	12,855	9,850	11,844
Jumlah hutang daripada syarikat-syarikat berkaitan	1,746	868	246	154
Jumlah hutang daripada perbadanan induk	139	6	33	—
	462,132	397,910	380,117	390,689

Jumlah hutang daripada Subsidiari-subsidiari dan Syarikat-syarikat Bersekutu adalah tidak bercagar, dikenakan faedah pada kadar purata wajaran 6.6% (1999: 6.4%) dan tidak mempunyai syarat bayaran balik yang tetap.

NOTA-NOTA UNTUK PENYATA KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2000 RM'000	1999 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000
17. Deposit, Tunai dan Baki Bank				
Deposit dengan bank berlesen	919	1,133	—	—
Tunai dipegang di bawah Akaun Pembangunan Perumahan	24,898	11,142	—	—
Tunai dan baki bank	21,497	22,727	589	1,198
	47,314	35,002	589	1,198
18. Pinjaman Tidak Bercagar				
Overdraf	104,076	38,750	38,414	4,690
Penerimaan bank	34,633	38,256	—	—
Kredit pusingan	711,500	629,000	410,000	455,000
Pinjaman jangka pendek (Nota 20)	33,885	29,383	—	—
	884,094	735,389	448,414	459,690
Pinjaman selain daripada pinjaman jangka pendek dikenakan faedah pada kadar purata wajaran 5.0% (1999: 5.1%).				
19. Pemiutang				
Pemiutang perdagangan	134,740	178,468	—	—
Pemiutang lain-lain	93,974	91,345	7,308	8,344
Jumlah hutang kepada Subsidiari-subsidiari	—	—	586,143	386,227
Jumlah hutang kepada Syarikat-syarikat Bersekutu	7,502	7,563	—	610
Jumlah hutang kepada syarikat-syarikat berkaitan	16,692	16,620	—	—
	252,908	293,996	593,451	395,181
Jumlah hutang kepada Subsidiari-subsidiari dan Syarikat-syarikat Bersekutu adalah tidak bercagar, dikenakan faedah pada kadar purata wajaran 4.9% (1999: 5.7%) dan tidak mempunyai syarat bayaran balik yang tetap.				
20. Pinjaman Jangka Panjang Tidak Bercagar				
Pinjaman berpenggal	558,000	325,000	75,000	75,000
Pinjaman blok diskaun	22,688	31,546	—	—
Lain-lain pinjaman	19,204	33,284	—	—
	599,892	389,830	75,000	75,000
Tolak dibayar semula dalam 1 tahun	33,885	29,383	—	—
	566,007	360,447	75,000	75,000

NOTA-NOTA UNTUK PENYATA KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2000 RM'000	1999 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000
20. Pinjaman Jangka Panjang Tidak Bercagar (samb.)				
Analisa mengikut jangka pembayaran semula:				
– dalam tempoh 1 tahun	33,885	29,383	–	–
– antara 1 hingga 2 tahun	118,946	5,357	–	–
– antara 2 hingga 5 tahun	437,418	331,876	75,000	75,000
– selepas 5 tahun	9,643	23,214	–	–
	599,892	389,830	75,000	75,000

Pinjaman bank dikenakan faedah pada kadar purata wajaran 7.7% (1999: 8.5%) setahun, dan termasuk pinjaman sebanyak RM38 juta di dalam matawang Dolar Amerika. Pinjaman-pinjaman lain adalah di dalam Ringgit Malaysia.

21. Cukai Tertunda

Berpunca daripada elaun modal
Berpunca daripada lain-lain perbezaan tempoh

15,488	16,986	550	550
697	(22)	–	–
16,185	16,964	550	550

Kumpulan belum mengambilkira kesan cukai perbezaan tempoh berikut dan potensi penjimatan cukai dalam Subsidiari-subsidiari yang boleh mengakibatkan debit kepada baki cukai tertunda:

Elaun modal	40,394	35,313
Kerugian cukai tidak digunakan	53,232	45,977
Lain-lain	3,581	2,645
	97,207	83,935

22. Modal Saham

Dibenarkan:
1,000,000,000 saham biasa 50 sen seunit

500,000	500,000	500,000	500,000
---------	---------	---------	---------

Dikeluarkan dan dibayar penuh:
272,752,645 saham biasa 50 sen seunit

136,376	136,376	136,376	136,376
---------	---------	---------	---------

23. Rizab

Rizab berkanun dikekalkan oleh Syarikat Bersekutu sebagai memenuhi peruntukan-peruntukan Akta Institusi Perbankan dan Kewangan, 1989.

